



Lembar fakta awal KESELAMATAN api



Bersedialah untuk kebakaran

Kesediaan dan pencegahan merupakan kunci untuk persekitaran hidup yang selamat. Setiap rumahtangga dan pusat harus mempunyai rancangan penyelamatan diri dalam kebakaran. Di tempat kerja, undang-undang kesihatan dan keselamatan pekerjaan mewajibkan semua perniagaan dan organisasi untuk mempunyai rancangan penyelamatan diri dan diuji rancangan penyelamatan diri ini secara berkala; tetapi di rumah kita bergantung pada keluarga untuk melakukan perkara ini sendiri.

Pastikan anggota rumahtangga mengetahui:

- Cara untuk merangkak rendah dalam asap
- Pelbagai cara untuk meninggalkan setiap bilik dan meninggalkan rumah
- Cara untuk membuka kunci pintu dan tingkap
- Cara untuk menelefon bomba – 000
- Tempat untuk berkumpul di luar (iaitu di sebelah kotak pos)
- Latihan teramat penting – harus dilakukan setiap bulan

Bersiaplah untuk kebakaran

- Hanya alarm asap yang berfungsi yang dapat menyelamatkan nyawa. Pastikan bebas daripada habuk dan tukar bateri pada akhir waktu jimat siang
- Uji alarm asap anda setiap minggu dan bersihkan setiap bulan
- Sedari bahawa kanak-kanak di bawah umur lima tahun tidak selalu dapat mendengar alarm asap
- Simpan selimut api dan/atau pemadam api di dapur dan ketahui cara untuk menggunakan alat tersebut
- Selimut api dan pemadam api harus diletakkan di antara tempat di mana kebakaran mungkin terjadi di dapur dan jalan keluar
- Pasang suis keselamatan elektrik – untuk dipasang oleh juruelektrik berdaftar
- Bersama anggota keluarga anda, buat rancangan penyelamatan diri semasa kebakaran dan latih secara berkala

Khabar baik adalah...

Sebagai ibu bapa atau penjaga, anda dapat menjadikan persekitaran kanak-kanak kecil lebih selamat dengan menyedari bahaya luka bakar, luka air panas dan api, dan juga dengan mengambil tindakan untuk mengelakkan hal-hal tersebut. Kanak-kanak akan mencontohi anda sebagai teladan mereka, jadi biarkan mereka melihat anda mengambil tindakan keselamatan – misalnya meletakkan penghalang di hadapan api terbuka.

Namun ingat...kanak-kanak di bawah umur lima tahun tidak semestinya akan melarikan diri daripada api atau memahami apa yang harus dilakukan dalam kecemasan. Ibu bapa dan penjaga perlu menyedari hal ini semasa membuat rancangan penyelamatan diri semasa kebakaran di rumah.



Lembaga Api Negara (Country Fire Authority (CFA) dan Dewan Perkhidmatan Api dan Kecemasan Metropolitan (Metropolitan Fire and Emergency Services Board (MFEB) menyediakan maklumat dan bahan ini atas pengemulian bahawa anda berhati-hati apabila digunakan. Jika anda tidak pasti tentang penggunaan maklumat ini dalam keadaan anda yang tertentu, anda harus mendapatkan nasihat pakar lanjut. CFA dan MFEB tidak menerima tanggungjawab atas cara anda menggunakan, menafsirkan atau bergantung pada maklumat yang diberi. CFA dan MFEB tidak menjamin, merestorasi atau sekiranya terdapat kesalahan atau kekeliruan yang tidak sengaja atau sebarang sebab lain. Ketidaktepatan, kesilapan atau kekurangan yang tidak sengaja atau sebarang sebab lain.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



www.cfa.vic.gov.au



www.mfb.vic.gov.au

